

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH : 8 OGOS 2017

RUJUKAN : 10052

SOALAN:

Dato' Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan jumlah pekerja asing yang tidak sah dari 31 Januari 2017 apabila kerajaan membenarkan pekerja asing yang tidak berdokumen dibenarkan dilayakkan sebagai pekerja asing yang disahkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Mengikut rekod di Jabatan Imigresen Malaysia, jumlah pekerja asing yang tidak sah dan dibenarkan bekerja menerusi program E-Kad dari 15 Februari 2017 hingga 30 Jun 2017 adalah seramai 164,804 orang.

Pecahan mengikut warganegara adalah seperti berikut:

1.	Bangladesh	-	97,191
2.	Indonesia	-	37,743
3.	Myanmar	-	17,906
4.	India	-	3,450
5.	Nepal	-	2,770
6.	Pakistan	-	2,438
7.	Vietnam	-	991
8.	Cambodia	-	680
9.	Philippines	-	666
10.	Thailand	-	490
11.	Sri Lanka	-	460
12.	Laos	-	15
13.	Turkmenistan	-	3
14.	Kazakstan	-	1

JUMLAH KESELURUHAN : 164,804

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**
[HULU LANGAT]
TARIKH : **8 OGOS 2017 (SELASA)**
SOALAN : **74**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat menaik taraf Loji Nuklear Penyelidikan di Nuklear Malaysia bagi menampung permintaan pemain industri yang semakin pesat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Loji Penyelidikan Nuklear yang terdapat di Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) adalah Reaktor TRIGA PUSPATI. TRIGA bermaksud *Training, Research, Isotope Production and General Atomic*. Ia merupakan satu-satunya reaktor penyelidikan nuklear di Malaysia yang mula beroperasi pada 28 Jun 1982.

Loji penyelidikan nuklear ini beroperasi untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) nuklear dalam pelbagai bidang seperti sains alam sekitar, arkeologi dan nuklear forensik, sains bahan, sains hayat, sains geologi, ujian tanpa musnah dan lain-lain. Ia juga digunakan untuk

tujuan pembelajaran dan latihan di bidang teknologi dan keselamatan reaktor, untuk peserta dalam dan luar negara, termasuk institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Selain itu, Reaktor TRIGA PUSPATI juga menyediakan perkhidmatan penganalisan sampel kepada pihak industri. Secara purata, sebanyak 350 sampel dianalisis setiap tahun, termasuk sampel daripada industri semikonduktor, elektronik dan ujian tanpa musnah.

Sejak Reaktor TRIGA PUSPATI mula beroperasi pada 1982, sistem sokongan kepada loji penyelidikan nuklear tersebut telah melalui beberapa aktiviti naik taraf. Antara aktiviti naik taraf Reaktor TRIGA PUSPATI yang telah dilaksanakan ialah menggantikan sistem konsol kawalan analog kepada sistem konsol kawalan digital, menaik taraf sistem penyejukan primer, sistem pengedaran udara, penggantian sistem pengesan neutron dan sistem pendawaian elektrik. Pada masa ini, aktiviti naik taraf yang sedang dijalankan ialah pembinaan kolam penyimpanan bahan api nuklear.

Aktiviti menaik taraf komponen Reaktor TRIGA PUSPATI dilakukan bagi memastikannya terus berada dalam keadaan selamat kerana komponen telah mengalami penuaan. Ini bagi membolehkan kelangsungan aktiviti penyelidikan nuklear negara, serta terus memberi perkhidmatan kepada pihak berkepentingan, termasuk pemain industri. Pelaksanaan aktiviti naik taraf ini dijangka memadai untuk menampung permintaan pemain industri pada masa ini.

Oleh itu, Kementerian sentiasa merancang keperluan menaik taraf loji penyelidikan nuklear Nuklear Malaysia bagi menampung keperluan

penyelidikan dan permintaan pemain industri yang semakin meningkat dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.